

SOALAN LAZIM ILTIZAM SELANGOR SIHAT

Manfaat Hospitalisasi (Pesakit Luar/Outpatient)

No	Soalan	Jawapan
1.	Untuk mendapatkan senarai Hospital Panel Selcare, anda boleh:	• Melayari laman web Selcare • Menggunakan "Panel Locator" di aplikasi Selangkah -> Member portal • Menghubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 1-800-22-6600
2.	Apakah yang perlu saya bawa sekiranya ingin mendapatkan rawatan di klinik (outpatient)	Anda hanya perlu membawa kad pengenalan Sahaja untuk mendapatkan rawatan di klinik.
3.	Adakah saya perlu memperbaharui keahlian setiap tahun?	Ahli perlu memperbaharui keahlian setiap 2 tahun. Hal ini adakah untuk memastikan setiap ahli yang menerima manfaat ini menepati syarat kelayakan semasa.

Manfaat Hospitalisasi (Pesakit Dalam/Inpatient)		
1.	Adakah saya layak untuk menerima faedah Iltizam Sihat Selangor - Pesakit Dalam?	- Kelayakan menggunakan faedah kemasukan wad Iltizam Sihat Selangor adalah secara automatik jika anda seorang ahli utama Iltizam Sihat Selangor yang aktif - Walaupun, permohonan kemasukan ke hospital perlu memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan
2.	Apakah kriteria-kriteria untuk menggunakan faedah Iltizam Sihat Selangor - Pesakit Dalam?	Kriteria-kriteria: - Ahli utama Iltizam Sihat Selangor sahaja - Berumur 80 tahun dan ke bawah
3.	Apakah faedah manfaat hospitalisasi yang diberikan?	Kriteria-kriteria: - RM 10,000 secara tahunan - Perlindungan serta merta (tiada tempoh menunggu bagi penyakit sedia ada) - Rawatan di panel hospital swasta bagi kes-kes bukan kecemasan - Rawatan di panel hospital kerajaan bagi kes-kes kecemasan
4.	Dimana saya boleh mendaftar untuk mendapatkan faedah ini?	- Tiada pendaftaran dibuka - Kelayakan adalah secara automatik jika anda seorang pemegang keahlian Iltizam Sihat Selangor
5.	Adakah saya perlu mendapatkan surat rujukan sebelum menggunakan manfaat hospitalisasi ini?	Tidak. Kelayakan hanyalah kepada ahli utama (principal) sahaja.

6.	Dimana saya boleh mendaftar untuk mendapatkan faedah ini?	Ahli perlu mendapatkan surat rujukan bagi kemasukan ke hospital swasta dari senarai di bawah: • Cawangan Klinik Selcare atau, • Melalui perundingan dalam talian (telemedicine) atau, • Surat rujukan daripada hospital Kerajaan
7.	Bagaimana cara untuk saya memohon surat jaminan (Gurantee Letter) bagi kemasukan ke hospital swasta?	• Ahli hanya perlu ke hospital dan kakitangan hospital akan mendapatkan pra kebenaran dari pihak Selcare bagi pembiayaan kemasukan ke hospital • Semua prosedur untuk mendapatkan Surat Jaminan (GL) akan dilakukan oleh kakitangan hospital panel yang berurusan terus dengan pihak Selcare
8.	Bolehkah saya membuat permohonan surat jaminan melalui panggilan telefon?	Tidak boleh. Tiada permohonan diterima melalui panggilan telefon.
9.	Bagaimana proses pra kebenaran dilakukan?	Proses pra kebenaran dilakukan sebelum kemasukan ke hospital: • Borang Pra Kemasukan (Pre admission form (PAF)) akan diisi oleh doktor yang merawat • Melalui borang PAF, info – info seperti sebab kemasukan ke hospital dan keadaan kesihatan anda akan dinyatakan • Anda dikehendaki untuk menandatangani borang PAF tersebut sebagai tanda persetujuan. Borang akan dihantar oleh pihak hospital kepada Selcare untuk pengeluaran surat jaminan

		• Jika kemasukan ke hospital memenuhi terma dan syarat, Selcare akan mengeluarkan surat jaminan bagi rawatan tersebut. • Ahli akan dimaklumkan oleh pihak hospital setelah GL dikeluarkan, dan selepas itu kemasukan hospital akan diuruskan dengan lancar
10.	Berapa lama tempoh proses pengeluaran Surat Jaminan?	20 Minit-30 minit
11.	Bagaimana untuk saya mengetahui bahawa permohonan Surat Jaminan saya telah dikeluarkan?	Surat Jaminan yang telah dikeluarkan, boleh disemak melalui: 1. Hospital 2. Hubungi talian khidmat pelanggan Selcare (1 800 22 6600) 3. Melalui aplikasi Selangkah
12.	Adakah sebarang kemungkinan perbelanjaan saya sewaktu kemasukan ke hospital swasta tidak ditanggung?	Perbelanjaan bagi kemasukan ke hospital swasta tidak akan ditanggung sekiranya: • Jumlah kos perbelanjaan kemasukan ke hospital melebihi RM10,000 • Penggunaan item-item seperti di perenggan nombor 14 Anda perlu membayar sebarang perbelanjaan yang tidak dilindungi kepada hospital sebelum meninggalkan hospital.
13.	Dalam keadaan apakah saya tidak diberikan Surat Jaminan?	Surat Jaminan tidak dapat dikeluarkan bagi kemasukan wad yang berpunca daripada sebab berikut: 1. Punca kemasukan wad disebabkan pesakit di bawah pengaruh dadah atau alkohol serta komplikasinya

		2. Punca kemasukan wad disebabkan kes - kes cubaan membunuh diri serta komplikasinya 3. Punca kemasukan wad disebabkan kehamilan, bersalin atau keguguran serta komplikasinya 4. Punca kemasukan wad disebabkan penyakit kelamin cth HIV/AIDS serta komplikasinya 5. Punca kemasukan wad disebabkan rawatan pergigian serta komplikasinya, kecuali kemalangan 6. Punca kemasukan wad disebabkan rawatan kosmetik seperti pembedahan plastik & sebagainya serta komplikasinya 7. Punca kemasukan wad disebabkan penyakit mental serta komplikasinya 8. Punca kemasukan wad disebabkan kecederaan akibat penglibatan aktiviti bersukan yang bahaya serta komplikasinya 9. Punca kemasukan wad disebabkan pembetulan penglihatan (rabun jarak jauh dan dekat) serta komplikasinya 10. Punca kemasukan ke wad disebabkan oleh peperangan atau sebarang tindakan perang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, tugas aktif dalam angkatan tentera secara langsung serta penyertaan dalam mogok, rusuhan dan pemberontakan serta komplikasinya
--	--	--

		11. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ badan oleh orang yang dilindungi dan kos pemerolehan organ tersebut termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya. 12. Kemasukan ke hospital disebabkan oleh rawatan yang boleh diberikan sebagai pesakit luar dan tidak memerlukan kemasukan hospital 13. Kemasukan ke hospital disebabkan oleh senarai 36 Penyakit Kritikal
14.	Apakah perbelanjaan yang lazimnya tidak dilindungi?	1. Telefon, lodger, perkhidmatan dobi, kafeteria dan caj bukan perubatan lain 2. Ubat - ubatan yang tidak berkaitan dengan diagnosis 3. Sebarang ubat bawa pulang bagi tempoh yang melebihi satu bulan selepas pesakit discaj 4. Alternatif terapi spt Akupunture, Chiropractic, Reflexology, Bonesetting, massage, confinement, dietition konsultasi dan lain-lain 5. Vitamin & makanan tambahan 6. Penjagaan diri spt Sabun, syampu, pencuci muka , sunblock, pelembap, hand lotion dan lain - lain 7. Caj yang berkaitan dengan rawatan pesakit luar, medical checkup atau ujian rutin (ujian saringan)

		8. Caj bilik yang melebihi kelayakan yang telah ditetapkan 9. Lain -Lain perkara tertakluk kepada polisi semasa Anda perlu membayar sebarang perbelanjaan yang tidak dilindungi kepada hospital sebelum meninggalkan hospital.
15.	Bagaimanakah prosedur mendapatkan surat Jaminan bagi kemasukan ke hospital kerajaan untuk kes - kes kecemasan?	• Jika pesakit memerlukan kemasukan ke wad bagi rawatan kecemasan, surat jaminan akan diberikan kepada pesakit atau waris pesakit selepas kemasukan ke wad atau selepas pesakit discaj dari hospital • Pesakit atau waris pesakit perlu mengemukakan ringkasan discaj (discharge summary) atau surat kemasukan ke hospital dari hospital kerajaan bagi mendapatkan surat jaminan dan setelah surat jaminan diperoleh, pesakit atau waris pesakit perlu mengemukakan surat jaminan tersebut kepada pihak hospital kerajaan sebagai bukti pembiayaan di bawah Program ISS

Manfaat Tambahan: Penyakit Kritikal		
1.	Bagaimanakah cara saya boleh memohon untuk manfaat tambahan ISS?	1. Anda perlu mendapatkan surat permohonan dari pihak DUN atau muat naik daripada laman sesawang ISS di https://iltizamselangorsihat.com/ 2. Anda perlu mengedikan dokumen yang berkenaan seperti sijil kematian dan mendapatkan pengesahan daripada pihak DUN 3. Pihak DUN perlu mengemilkan segala borang permohonan kepada pihak Selcare dan pihak Selcare akan memproses semua permohonan 4. Tuntutan ini mengambil masa 30 hari bekerja untuk selesai
2.	Siapakah yang layak mendapat manfaat tambahan ISS?	1. Bagi manfaat khairat kematian, hanya pemegang kad (principal) Sahaja yang layak menerima manfaat ini 2. Bagi manfaat penyakit kritikal, pemegang kad (principal) dan keluarga berdaftar layak menerima manfaat ini

Manfaat Rawatan Buah Pinggang (Manfaat Dialisis)		
1.	Apakah itu Manfaat Rawatan Buah Pinggang Iltizam Selangor Sihat?	Manfaat Rawatan Buah Pinggang ISS yang diberikan adalah meliputi: 1. Rawatan Awal - Arteriovenous Fistula (AVF) di panel Hospital ISS 2. Rawatan Dialisis – Dialisis Hemodialisis (HD) – di panel Pusat Dialisis ISS/Panel Hospital ISS
2.	Berapakah jumlah manfaat ini?	RM10,000/setahun
3.	Berapa lamakah tempoh saya boleh mendapatkan manfaat ini?	Tempoh bagi manfaat ini adalah sehingga penggunaan penuh RM10,000/setahun
4.	Siapakah yang layak untuk menggunakan Manfaat Rawatan Buah Pinggang Iltizam Selangor Sihat?	Ahli Iltizam Selangor Sihat, tidak kira pemohon utama atau keluarga berdaftar
5.	Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk mendapatkan manfaat ini?	Untuk mendapatkan manfaat, pemohon perlu mendaftar sebagai ahli di: - Pejabat PKM/Penyelaras PKM yang terdekat atau - Melalui laman sesawang Iltizam Selangor Sihat
6.	Adalah saya layak untuk mendapatkan manfaat ini walaupun saya bukan pemohon utama?	Masih layak. Manfaat ini terbuka kepada pemohon utama atau keluarga berdaftar.
7.	Bolehkah saya membuat permohonan surat jaminan melalui panggilan telefon?	Tidak. Tiada permohonan diterima melalui panggilan telefon. Hanya pihak Hospital/Pusat Dialisis yang akan membuat permohonan surat jaminan (GL).
8.	Berapa lama tempoh proses pengeluaran Surat Jaminan?	20 - 30 minit
9.	Bagaimana untuk saya mengetahui bahawa permohonan Surat Jaminan saya telah dikeluarkan?	Surat Jaminan yang telah dikeluarkan, boleh disemak melalui: Hospital

		• Pusat Dialisis • Hubungi talian khidmat pelanggan Selcare
10.	Adakah saya boleh mendapatkan manfaat ini walaupun saya telah menggunakannya untuk manfaat pesakit dalam?	Tidak. Penggunaan adalah terhad kepada 1 kali penggunaan: • Sama ada Manfaat Pesakit Dalam atau Manfaat Rawatan Buah Pinggang
11.	Adakah saya masih layak mendapatkan manfaat ini walaupun ahli keluarga saya yang lain telah menggunakannya?	Tidak. Manfaat ini terhad kepada salah seorang ahli keluarga sahaja: sama ada pemohon utama atau keluarga berdaftar.
12.	Sekiranya saya adalah penerima BSS Dialisis tetapi tidak mengundi di Selangor, adakah saya layak untuk memohon bantuan ISS Dialisis ini?	Ya. Penerima BSS Dialisis perlu menjadi ahli Iltizam Selangor Sihat terlebih dahulu dengan: • Mengemukakan permohonan sebagai ahli ISS kepada Pejabat PKM/Penyelaras PKM
13.	Sekiranya saya telah mendapat RM2,000 daripada BSS Dialisis, adakah saya masih layak untuk mendapat RM10,000 daripada ISS Dialisis ini?	Tidak. Penerima BSS Dialisis yang telah mendapat RM2,000 hanya akan menerima RM8,000 bagi manfaat ISS Dialisis ini
14.	Sekiranya saya adalah penerima BSS Dialisis, adakah saya layak untuk dapatkan manfaat ISS yang lain?	Ya, penerima BSS Dialisis yang telah berjaya menjadi ahli ISS boleh menikmati semua manfaat yang diberikan dibawah program ISS seperti: • Rawatan Asas & Vaksinasi • Manfaat Rawatan Pesakit Dalam (Hospitalisasi) dan Rawatan Buah Pinggang • Manfaat Tambahan Kematian Semulajadi dan Penyakit Kritikal

15.	Sekiranya saya telah mendapatkan Rawatan awal - Arteriovenous Fistula (AVF), adakah saya masih layak untuk Rawatan Dialisis – Hemodialisis (HD)?	Masih layak. Akan tetapi, rawatan Dialisis (Hemodialisis) hendaklah dilakukan di Pusat Dialisis yang telah menjadi panel dibawah ISS.
16.	Sekiranya peruntukan RM10,000 tidak dihabiskan dalam tahun semasa, adakah baki tersebut boleh dibawa ke tahun berikutnya?	Tidak. Baki yang tidak digunakan tidak akan dibawa ke tahun hadapan. Bermula 1 Januari, peruntukan RM10,000 akan diperbaharui secara automatik: • Jika masih terdapat baki, jumlah tersebut akan luput • Jika peruntukan telah habis digunakan, RM10,000 baharu akan diperbaharui secara automatik pada 1 Januari
17.	Apakah jenis rawatan yang terkandung dibawah Manfaat Dialisis ini?	Senarai dibawah meliputi perkara berikut: • Rawatan dialysis (Hemodialisis) • Suntikan EPO 2000iu • Zat Besi (Iron) 100mg • Suntikan Hepatitis B • Suntikan IV Zemplar 5mcg • Ujian darah (setiap 3 bulan) • Dialyzer (sekali guna / guna semula) Nota* • Pihak Selcare tidak akan menanggung sebarang ubatan yang dibawa pulang • Hanya ubat-ubatan dan suntikan yang diberikan semasa rawatan hemodialisis sahaja yang ditanggung